

TENOL TABLET

Atenolol 50mg

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah Kegunaan Tenol Tablet.
2. Bagaimana Tenol Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Tenol Tablet
4. Cara menggunakan Tenol Tablet.
5. Semasa menggunakan Tenol Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tenol Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah Kegunaan Tenol Tablet

Rawatan tekanan darah tinggi, angina pektoris (sakit dada), infarksi miokardium (sakit jantung) dan ketidaksekataan degupan jantung.

Bagaimana Tenol Tablet Berfungsi

Bahan aktif yang terkandung dalam ubat ini ialah atenolol yang tergolong dalam kumpulan penyekat beta. Ia bertindak terutamanya pada reseptor beta-1 di jantung. Ini akan menghasilkan penurunan kadar jantung dan kontraksi otot jantung yang menghasilkan penurunan tekanan darah.

Sebelum Mengambil Tenol Tablet

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi kepada atenolol atau bahan-bahan lain yang terkandung didalam produk ini.
- Jika anda mengalami sekatan jantung.
- Jika anda mempunyai kadar jantung yang rendah.
- Jika anda mengalami kegagalan jantung “uncompensated”.
- Jika anda pernah mengalami kejutan akibat dari “cardiogenic cause”

Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor jika anda:-

- Mengandung/ Disyaki mengandung.
- Merancang untuk mengandung.
- Menghidapi penyakit buah pinggang
- Menghidapi masalah hati.
- Menghidapi penyakit kencing manis
- Mempunyai penyakit asma.
- Mempunyai sejarah kegagalan jantung dan lain-lain penyakit jantung.
- Merancang untuk menjalani pembedahan.
- Menghidapi penyakit tiroid.

Jika Mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubat yang tidak digalakkan diambil bersama dengan Tenol Tablet. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubat yang sedang diambil termasuk ubat yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat berikut:-

- Penyekat-beta yang lain.
- Ubat penurunan tekanan darah yang lain.
- Ubat-ubat lain untuk rawatan jantung
- Digoxin

Cara Menggunakan Tenol Tablet

Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jumlah yang diambil setiap hari bergantung kepada keadaan penyakit anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada amanun yang disyorkan.

Dos biasa bagi dewasa adalah 50-100mg sehari

Bila perlu digunakan

Tenol Tablet perlu diambil selepas sarapan pagi. Telan ubat dengan air.

Berapa lama perlu digunakan

Iikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan kecemasan.

Semasa Menggunakan Tenol Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Tenol Tablet mengikut arahan doktor.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kongsi ubat - ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

Kesan-kesan Sampingan

Kesan-kesan sampingan yang paling biasa ialah rasa loya, muntah-muntah, cirit-birit, keletihan dan pening. Kesan kardiovaskular termasuk:

- Bradikardia(jantung berdegup dengan perlahan-lahan)
- Kegagalan Jantung Kongestif(jantung tidak berfungsi secara normal)
- Sekatan jantung (irama jantung yang tidak normal di mana jantung berdenyut terlalu perlahan-lahan)
- Hypotension (tekanan darah rendah)
- Rasa sejuk pada bahagian hujung kaki dan tangan.
- Fenomena Raynaud(salur darah tidak normal)
- Paraesthesia (sensasi yang tidak normal)

Kesan sistem saraf pusat termasuk:

- Kemurungan
- Khayalan
- Gangguan tidur dan penglihatan
- Gangguan darah dan ruam kulit juga mungkin berlaku.

Kesan buruk yang lain dilaporkan termasuk sembelit, pengekalan cecair dan peningkatan berat badan, kekejangan otot dan mulut kering.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan-kesan lain semasa pengambilan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Tenol Tablet

Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan yang berlebihan secara sebarangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan

TENOL TABLET

Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP)

Atenolol 50mg

Maklumat lanjut

Rupa dan Warna produk

Tablet bulat, berwarna putih, rata dan berskor pada satu bahagian.

Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Atenolol 50mg

-Bahan tidak aktif

Magnesium stearate, starch, sodium starch glycolate, laktosa, microcrystalline cellulose.

Nombor MAL:

MAL19921007A

Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

9,11 & 17 Jalan Kempas 4,

Taman Perindustrian Tampoi Indah,

81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

9,11 & 17 Jalan Kempas 4,

Taman Perindustrian Tampoi Indah,

81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

19/7/2014